

Konvensyen Hawa 2.0 rungkai permasalahan wanita

SEREMBAN 30 Sept. - Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengambil inisiatif untuk membincangkan permasalahan serta cabaran yang dihadapi golongan wanita masa kini menerusi penganjuran Konvensyen Hawa 2.0 di sini baru-baru ini.

Konvensyen dua hari yang bertemakan 'Wanita Inspirasi Dunia' itu disertai oleh para siswi universiti berkenaan selain menampilkan beberapa penceramah jemputan dan selebriti seperti Pencetus Umamah (PU) Rahmat, Salima Habibi, Catriona Ross dan Nik Salida Nik Salleh.

Timbalan Yang Dipertua MPP USIM, Nurul Syakirin Ahmad Najid berkata, isu akidah, pergolakan dalam keluarga, permasalahan golongan wanita serta masalah sosial semakin berleluasa mendorong pihaknya untuk menganjurkan program yang masuk siri kedua itu.

"Tujuan utama program ini di-

adakan untuk memberi pendedahan serta pengetahuan menyeluruh berhubung dengan wanita, secara berperingkat yang melibatkan individu, keluarga, kepimpinan dalam masyarakat, negara mahupun dunia.

"Maklumat yang dikongsikan bersama peserta konvensyen ini diharapkan dapat dimanfaatkan secara efektif dan proaktif terhadap seorang wanita untuk berjaya dunia akhirat," katanya di sini baru-baru ini.

Jelasnya, apa yang lebih penting, ilmu serta pendedahan berkenaan dapat dijadikan tips dalam usaha mengurangkan sekali gus menangani masalah yang membelenggu wanita.

"Konvensyen ini akan dapat memberi pengetahuan bermanfaat dan kefahaman sangat berguna berkenaan wanita daripada pelbagai aspek pengetahuan sama ada dari sudut fekah, ibadat, akhlak, keluarga dan juga syariah," katanya.



SEBAHAGIAN daripada MPP USIM bergambar bersama selepas penganjuran Konvensyen Hawa 2.0, di Seremban, baru-baru ini.